



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

4 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

4 FEBRUARI 2021 (KHAMIS)

Premis makanan beroperasi hingga 12 tengah malam **KPDNHEP cadang lanjut waktu operasi**

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan mengemukakan permohonan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk memberi kelonggaran aktiviti penjualan makanan dilanjutkan sehingga pukul 12 tengah malam di kawasan dikuatkuasakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, cadangan itu turut meliputi kebenaran operasi premis perniagaan secara dine-in atau makan di kedai, tanpa mengabaikan aspek pema-tuhan prosedur standard operasi (SOP) yang ketat.

Beliau berkata, cadangan tersebut dipertimbangkan pihaknya selepas mengambil kira kesukaran peniaga termasuk pengusaha kenderaan saji mengekalkan momentum per-

niagaan mereka dalam tempoh mencabar ini.

"Saya memberi komitmen akan membawa perkara ini kepada makluman Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna untuk dipanjangkan kepada MKN segera.

"Ini bagi membolehkan penilaian dilakukan dan langkah-langkah sewajarnya dapat diambil untuk mengatasi isu tersebut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau terdahulu mengadakan lawatan ke tapak jualan makanan kenderaan saji di Presint 2, di sini malam kelmarin.

Lawatan kerja itu turut mem-babitkan tapak jualan makanan kenderaan saji di Presint 15 dan Cyberjaya, bertujuan melihat secara lebih dekat operasi perniagaan kenderaan saji serta berkongsi idea dan menyela-mi kesukaran peniaga melalui cabaran pelaksanaan PKP.

Rosol berkata, beliau yakin pihak berwajib akan memperha-lusi cadangan berkenaan kerana isu bebanan survival perniagaan khususnya bagi peniaga kecil bu-kan hanya berlaku di Putrajaya, tetapi juga di seluruh negara.

Beliau berkata, kement-e-rian juga yakin dilema dihadapi peniaga ini dapat diatasi segera dan aktiviti perniagaan dapat beroperasi dengan baik sekali gus mengurangkan impak kepa-da sektor ekonomi keseluruhannya.

"Pelaksanaan PKP yang di-lanjutkan sehingga 18 Februari depan adalah keputusan ter-baik kerajaan selepas mengam-bil kira pelbagai faktor, ter-masuk mengimbangi antara kepentingan mensejahterakan kesihatan rakyat dan melandai-kan lekuk penularan pandemik Covid-19 dengan usaha memu-lihkan kembali kemampunan ekonomi," tambahnya.



ROSOL (tiga dari kanan) mendengar keluhan salah seorang peniaga kenderaan saji yang beroperasi di Presint 2, Putrajaya ketika lawatan kerjanya kelmarin.

Food truck operators urge govt to allow on-site dining

PUTRAJAYA: Food truck operators in Precinct 2 and Precinct 15 here have asked the government to allow them to operate until midnight and permit customers to dine on site while complying with standard operating procedures (SOP).

The request was conveyed to Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid, who checked on the two food truck parks on Tuesday night.

The operators expressed difficulty

in sustaining their businesses during this challenging period.

Rosol, in a statement yesterday, said he would take the request to the attention of Minister Datuk Seri Alexander Nanta Linggi, to be referred to the National Security

Council for risk assessment as well as appropriate measures to be taken to address the issue.

"I am confident the authorities will look into the request because it involves the issue of business survival, especially for petty traders,

not only in Putrajaya but also throughout the country."

The government has allowed eateries, restaurants and food delivery services to operate until 10pm from Jan 22, but dining-in is still not allowed. - Bernama



ANGGOTA Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor ketika melakukan pemeriksaan di pasar basah, pasar awam, pasar tani serta pasar raya yang menjual barangan basah serta segar seluruh daerah di Johor menerusi Ops Pasar 2021, yang dilakukan sejak 1 Januari lalu.

HARI	:	<u>KHAMIS</u>
TARIKH	:	<u>4/2/2021</u>
M/SURAT	:	<u>16</u>

Senarai Harga Barang Keperluan		Telur Gred A		Gula Pasir		Cili Merah	
Ayam	RM5.90		RM10.20		RM2.95		RM8.90
Daging Lembu Tempatan	RM34	Ikan Kembung	RM8.99	Bawang Besar Holland	RM3.20	Kubis Bulat Tempatan	RM3.80
Daging Lembu Import	RM21	Minyak Masak	RM5.25	Bawang Putih	RM1.99	Tepung Gandum	RM2.15

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP